

Penyelidik S'pura mungkin menemui kaitan komplikasi jantung dengan vaksin Covid-19

Antara sebab adalah tahap asas enzim RNASE2 yang tinggi dalam badan berikutan suntikan vaksin mRNA

PARA penyelidik di Singapura telah menemui apa yang mungkin menyebabkan sekumpulan kecil individu yang menghadapi risiko komplikasi jantung yang lebih tinggi selepas mendapat suntikan vaksin Covid-19.

Kajian penyelidik dari Sekolah Perubatan Duke-NUS dan lain-lain menemui bahawa mereka yang mempunyai tahap asas RNASE2 – enzim dihasilkan dalam badan yang proses asid ribonukleik (RNA) – yang tinggi mungkin lebih terdedah kepada masalah jantung berikutan suntikan vaksin mRNA.

Penemuan yang diterbitkan *Journal of Clinical Medicine* pada bulan April, adalah berasaskan kes seorang lelaki yang mengalami simptom serupa dengan miokarditis atau keradangan otot jantung, selepas menerima suntikan penggalak vaksin Covid-19 Moderna pada Oktober 2021.

Pesakit, yang digambarkan sebagai “cerdas dan sihat” berusia 42 tahun tanpa penyakit asas atau sejarah alahan, mengalami sakit otot dan kelemahan di kawasan suntikan.

Beliau telah mengambil vaksin Pfizer-BioNTech berasaskan mRNA untuk dua suntikan pertamanya.

Walaupun dia sihat pada hari pertama apabila mendapat suntikan

penggalak Moderna, beliau mengalami sesak nafas yang semakin teruk, dan pada hari keempat, tidak dapat bergerak tanpa berehat seketika.

Pada hari kelima, beliau mula mengalami sakit dada yang disebabkan menggunakan banyak tenaga.

Beliau dimasukkan ke hospital pada hari berikutnya dan elektrokardiogram lelaki itu menunjukkan tanda-tanda yang serupa dengan pesakit miokarditis dan perikarditis, iaitu keradangan lapisan di sekeliling jantung.

Beliau dibenarkan keluar pada hari kelapan tanpa campur tangan lanjut dan dapat meneruskan aktiviti harian seperti biasa seminggu kemudian.

Pesakit itu adalah dalam kalangan 200 peserta kajian terhadap kesan sampingan vaksin Covid-19. Ia dibiayai oleh Majlis Penyelidikan Perubatan Nasional.

Penyertaan beliau membolehkan penyelidik membandingkan sampel darah sebelum dan selepas vaksinasi, dan membezakan sampel terhadap spesimen daripada 18 orang lain dalam kohort tersebut untuk mengenal pasti perbezaan yang boleh menjelaskan komplikasi jantung.

Walaupun penemuan itu mencadangkan komplikasi jantung disebabkan oleh beberapa faktor,

sebab utama mungkin pemberian vaksin mRNA kepada seseorang yang mempunyai tahap RNASE2 yang tinggi, kata penyelidik.


Maka itu, cadangan pengubahsuaian kepada vaksin pada masa depan boleh membantu mencegah rangsangan berlebihan sensor RNA, menjadikan vaksin sedemikian lebih selamat.

Kajian lain turut menemukan hubungan antara sistem imun yang terlalu aktif dan komplikasi jantung, kata ketua penyelidik, Profesor Ooi Eng Eong yang juga timbalan pengarah program penyakit berjangkit yang baru di Sekolah Perubatan Duke-NUS.

Kertas kajian itu mengakui bahawa batasan utama kajian tersebut adalah penemuannya berdasarkan satu kes.

Bagaimanapun, Prof Ooi memberitahu *The Straits Times* bahawa adalah tidak realistik dan tidak ekonomik untuk merekrut ratusan ribu orang yang diperlukan untuk ujian klinikal, memandangkan jarang berlaku komplikasi jantung selepas vaksinasi.

“Anda benar-benar perlu merekrut keseluruhan penduduk Singapura yang berjumlah lebih lima juta orang hanya untuk mendapatkan spesimen yang jarang ditemui itu,” katanya.



PENYELIDIK SEKOLAH PERUBATAN DUKE-NUS: (Dari kiri, berdiri) Ketua penyelidik dan timbalan pengarah program kemunculan penyakit berjangkit di Sekolah Perubatan NUS-Duke, Profesor Ooi Eng Eong; penyelidik utama untuk projek Inovasi Bersepadu dalam Penyakit Berjangkit, Profesor Paul Tambyah; (dari kiri, duduk) saintis penyelidik utama, Cik Eugenia Ong dan Encik Chan Kuan Rong. Penyelidikan mereka berdasarkan satu kes lelaki yang mengalami gejala yang serupa dengan miokarditis selepas mengambil vaksin Covid-19. – Foto ST

Berucap di Parlimen pada 9 Mei, Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung berkata insiden miokarditis selepas mengambil vaksin Covid-19 adalah sangat jarang berlaku, dengan 160 laporan miokarditis dan perikarditis dikaitkan dengan vaksin setakat ini, daripada lebih 17 juta dos yang diberikan.

Dua kematian akibat miokarditis, seorang wanita berusia 43 tahun dan

seorang lelaki berusia 28 tahun, setakat ini dikaitkan dengan vaksin Covid-19 di Singapura.

Matlamat akhirnya adalah untuk memastikan bahawa manfaat vaksin mengatasi risiko, kata Profesor Paul Tambyah, penyelidik utama untuk projek Inovasi Bersepadu dalam Penyakit Berjangkit, yang merupakan sebahagian daripada kajian itu.

Memandangkan situasi koronavi-

rus global telah stabil sejak 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Covid-19 bukan lagi darurat kesihatan global pada 5 Mei, dan ini adalah masa yang sesuai untuk menghasilkan vaksin yang lebih selamat, katanya, sambil menyatakan teknologi mRNA sedang diteroka untuk mendapatkan vaksin bagi penyakit yang lain.